

31 JUL 1997

Rasuah - TI

USAHA MALAYSIA MEMBANTERAS RASUAH DIPUJI

Washington, 31 Julai (Bernama)--Transparency International (TI), sebuah badan yang bertindak untuk membanteras rasuah dalam perniagaan di seluruh dunia, memuji usaha agresif Malaysia untuk membanteras rasuah.

Pengarah TI di Jerman, Dr. Michael Wiehan berkata dalam satu temu bual, paras kesedaran di Malaysia telah meningkat dan kerajaan Malaysia telah mencapai "perkara yang terpuji" di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Saya sangat tertarik dengan usaha kerajaan Malaysia dalam membanteras rasuah," katanya.

Kumpulan itu yang berpangkalan di Berlin, dan operasinya dibiayai oleh syarikat dan agensi kerajaan Barat, termasuk Agensi Amerika Syarikat (AS) bagi Pembangunan Antarabangsa (USAID), pada hari Khamis telah mengumumkan indeks rasuah tahunan yang meletakkan Malaysia di tangga ke-32 di antara 53 negara yang dikaji selidik.

Rangking 1997 menunjukkan Malaysia telah jatuh ke tangga 32 berbanding tangga ke 26 tahun lepas, manakala skornya 5.32 telah jatuh kepada 5.01, berbanding skor maksimum 10.

Tiada satu negara yang dikaji selidik memperolehi skor 10 atau status bebas rasuah, tetapi Denmark yang berada ditangga satu memperolehi skor 9.94, diikuti oleh Finland, dan Sweden, manakala Nigeria berada di tangga terbawah dengan skor 1.76.

Singapura yang mendahului negara-negara Asean pada tangga kesembilan jatuh dari tangga ketujuh tahun lepas. Thailand menduduki tangga ke-39 diikuti oleh Filipina (40), Vietnam (43) dan Indonesia (46).

"Saya tidak bimbang dengan skor itu," kata Dr. Wiehan, apa yang penting Malaysia nampaknya telah bertambah sedar berkaitan rasuah.

Laporan 11 muka itu menyatakan pada mulanya kerajaan Malaysian agak marah dengan penerbitan indeks tanggapan rasuah itu dan Dr. Mahathir menganggapnya satu lagi "budaya imperialisme" Barat.

Bagaimanapun, usaha serius telah dilakukan oleh Malaysia untuk memahami kaedah indeks itu dan satu delegasi Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah dihantar ke Berlin untuk mengkaji mekanisme dan kaedah indeks itu.

Scott Avelina, Pengurus Perkhidmatan Etika Perniagaan, KPMG Peat Marwick, berkata ahli perniagaan yang telah ditemui berkaitan indeks itu menganggap indeks itu sebagai serius, walaupun mereka berdebat berkaitan data yang diperolehi.

Indeks itu berasaskan tujuh kaji selidik antarabangsa terhadap masyarakat perniagaan dan ia mencerminkan tanggapan mereka terhadap rasuah dalam 52 negara. Ditubuhkan dalam tahun 1993, TI hari ini mempunyai lebih dari 70 cawangan.

Avelina berkata tiada cara untuk mengukur rasuah secara objektif kerana rasuah adalah tersembunyi. Apa yang boleh kita lakukan ialah melalui tanggapan.

Beliau berkata, Malaysia perlu memperbaiki indeksnya sebagai sebahagian daripada pandangan strategik ekonominya.

Pengerusi TI International, Dr. Peter Eigen, berkata dalam satu kenyataan, "Media memberikan tumpuan terhadap negara-negara membangun apabila melaporkan Indeks Tanggapan Rasuah kerana rasuah dianggap banyak berlaku di negara-negara itu.

Bagaimanapun, saya meminta orang ramai mengakui bahawa sebahagian besar rasuah juga hasil dari perbadanan antarabangsa, yang beribu pejabat

di negara-negara perusahaan, menggunakan rasuah untuk mendapatkan kontrak di negara-negara membangun, katanya.

"Transparency International tidak bermaksud bahawa indeks itu menunjukkan sesebuah negara itu lebih rasuah berbanding negara lain.

"Kami melaporkan bagaimana ahli perniagaan di seluruh dunia menganggap paras rasuah di negara-negara yang berbeza. Kami juga mengetahui banyak daripada ahli perniagaan itu adalah sebahagian daripada masalah itu," kata beliau.

Negara-negara Eropah, dibenarkan untuk melakukan "rasuah antara negara" dan mendapatkan potongan cukai daripada kerajaan mereka sebagai "komisen" kepada negara asing sebagai balasan kontrak lumayan, kata Dr. Wiehan, yang menambah kata rasuah seumpama itu boleh berlaku sehingga AS\$5 hingga \$20 juta.

Bagaimanapun beliau berkata Negara Pertubuhan Bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) termasuk Kesatuan Eropah EU, telah bersetuju kepada rasuah antara negara dan potongan cukai menjelang penghujung tahun 1998.

Ditanya sama ada TI menganggap sistem politik AS sebagai rasuah, yang mana ahli politik dan badan politik dibenarkan menerima sumbangan untuk kempen politik, Dr. Wiehan berkata, " Kami di TI berurusan dengan rasuah perniagaan dan saya tidak mempunyai pandangan berkaitan soalan itu."

Sebuah cawangan IT di Malaysia telah ditubuhkan di bawah pimpinan Tunku Abdul Aziz dan beliau boleh dihubungi melalui telefon 605-685-2005 atau faks 605-685-2006)--BERNAMA

SH RI